

17/08/1998

Tiga program bantu pasarkan produk IKS

Rosmin Darus

PERGERAKAN Wanita Umno menyediakan peluang keemasan kepada ahlinya yang terbabit dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk mempamer dan memasarkan produk masing-masing dalam tiga program berlainan, bermula 12 Ogos ini.

Pengerusi Biro Pembangunan Industri dan Keusahawanannya, Raja Ropiah Raja Abdullah, berkata tiga program itu ialah Ekspo Niaga Wanita '98, Hari Wanita '98 dan tapak niaga Sukan Komanwel XVI Kuala Lumpur '98.

Katanya, Ekspo Niaga Wanita '98 akan berlangsung di Plaza Putra, Kuala Lumpur mulai 12 hingga 15 September.

"Di Ekspo Niaga Wanita itu nanti kita menyediakan ruang niaga yang terbahagi kepada dua kategori iaitu kadar sewa RM600 dan RM1,000.

"Wanita Umno peringkat negeri akan mendapat ruang niaga mengikut jumlah bahagian dan setiap gerai bernilai RM600 boleh dikongsi seramai tiga orang, manakala RM1,000 pula hanya untuk dua orang," katanya di Seminar Teknologi Sejuk Beku dan Pembungkusan Makanan, Sabtu lalu.

Seminar sehari anjuran Biro Pembangunan Industri dan Keusahawanan Wanita Umno bersama Program Persidangan & Pameran Pusat Perkhidmatan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) disertai oleh 55 wanita Umno dari seluruh negara.

Hadir sama di majlis perasmian seminar yang mendedahkan peserta kepada teknik saintifik kaedah sejuk beku makanan untuk membantu mengekalkan mutu dan teknik pembungkusan makanan ialah Pengarah Pusat Perkhidmatan Teknikal, Mardi, Adinan Husin.

Sehubungan itu, Raja Ropiah menggesa wanita yang berminat supaya segera menemui Ketua Wanita Umno Bahagian masing-masing untuk mendaftar kerana pemilihan berkonsepkan siapa cepat dia dapat.

Tarikh tutup permohonan untuk mendapatkan ruang niaga itu ialah 25 Ogos.

"Sekiranya Wanita Umno peringkat negeri tidak mengisi borang atau membayar, secara automatik peluang itu digugurkan dan diberikan kepada negeri yang memerlukan lebih banyak ruang niaga," katanya.

Beliau berkata program Hari Wanita '98 yang pada awalnya dijadual berlangsung 25 Ogos ini bagaimanapun ditunda kepada 25 September depan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka turut memeriahkan acara besar-besaran itu.

Bagi menyerikan lagi majlis ruang niaga dan pameran juga disediakan dengan kadar sewa yang murah. Manakala, sempena Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98, Wanita Umno juga berpeluang mengambil bahagian untuk memasarkan dan mempamer produk keluaran ahlinya. Bagaimanapun, peruntukan hanya diberi satu negeri satu gerai. Raja Ropiah juga menggesa ahli Wanita Umno supaya merebut peluang daripada Dana Industri IKS yang mempunyai peruntukan RM1.5 bilion bagi dimanfaatkan untuk memperkembangkan perniagaan mereka.

"Saya dapati Wanita Umno kurang memanfaatkan dana itu sedangkan kita adalah golongan yang bertungkus lumus untuk memastikan kerajaan dan Umno terus berjaya," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun untuk mendapatkan kemudahan itu perlulah melengkapkan diri dengan kemahiran dan kebolehan dalam sesuatu bidang pengeluaran terlebih dahulu.

Katanya, wanita tidak perlu bimbang aspek pemasaran kerana Mardi boleh membantu memasarkannya asalkan produk yang dikeluarkan bermutu dan ada daya saing yang tinggi sehingga peringkat antarabangsa.

(END)